

## “Berteksi” salah?

DALAM suatu waktu sembang-sembang dengan peserta kursus penataran bahasa Melayu di sebuah pencau (hotel) di Kuala Lumpur, seorang peserta memberitahukan bagaimana beliau datang ke hotel tersebut. Beliau mengatakan bahawa beliau “berteksi” ke sini (*Saya berteksi ke hotel ini*).

Teman sepejabat, yang kebetulan menginap sekamar dengannya, semasa kursus ini, bertanya kepada saya bolehkah kita mengatakan, “*Saya berteksi ke hotel*”? Saya menjawab, kalau persoalan boleh atau tidak membina bentuk ayat sedemikian itu, jawabnya boleh; malah ayat-ayat lain seperti “*Saya berkapal terbang ke Pulau Pinang*”, dan ayat-ayat yang seumpamanya boleh saja dibina. Jawapan yang dikehendaki bukan persoalan boleh, tetapi betulkah bentuk ayat yang demikian itu? Yang bertanya setuju dengan kenyataan saya.

Saya mendapatkan kepastian daripada peserta tersebut sama ada beliau sendiri yang memandu teksi itu untuk datang ke hotel. Beliau menafikannya. Yang memandu teksi itu ialah pemilik (pemandu) teksi berkenaan.

Kepada beliau, kepada yang bertanya, dan beberapa peserta lain dalam kelompok kami, saya terangkan bahawa kita menaiki pelbagai jenis kenderaan untuk pergi



Oleh: MUHAMMED SALEHUDIN AMAN

ke sesuatu tempat, sama ada ke tempat yang dekat, mahupun ke tempat yang jauh. Untuk menyatakan perihal kita menaiki kenderaan ini, kita menggunakan awalan kata kerja *ber-* yang digabungkan dengan nama kenderaan tersebut. Misalnya *berbasikal, berkereta, berkuda, bermotosikal, bersampan*, dan lain-lain seumpamanya.

Oleh itu, kita boleh sahaja menuturkan ayat-ayat seperti yang berikut ini:

1. Saya *berkereta* ke pejabat.
2. Zakaria *bermotosikal* ke pekan.
3. Setiap pagi dia *berbasikal* selama 30 minit.
4. Orang dahulu *berkuda* ke mana-mana sahaja.
5. Pak Said *bersampan* ke hilir sungai.

Tetapi kita tidak pernah pula

mendengar ayat-ayat contoh yang begini diucapkan oleh penutur bahasa Melayu:

6. Mereka *berbas* ke bandar.
7. Pelancong itu *berbeca* ke pusat pelancongan.
8. Saya *berkapal terbang* ke Kuching.
9. Dia *berteksi* ke selatan.
10. Kami *berkereta sewa* ke bandar.

Persoalan kegramatisan ayat-ayat di atas terletak pada makna yang terkandung dalam imbuhan *ber-* yang berganding dengan kata nama kenderaan tersebut. Imbuhan *ber-* mempunyai makna-makna tertentu. Salah satu makna imbuhan *ber-* ialah mengendalikan sesuatu. Dalam ayat-ayat contoh di atas, yang hendak dipastikan ialah persoalan siapakah yang mengendalikan kenderaan.

Daripada contoh-contoh ayat 1 – 5, dapatlah dirumuskan bahawa imbuhan *ber-* hanya boleh digunakan pada nama sesuatu kenderaan jikalau seseorang itu mengendalikan (memandu atau menunggang) kenderaan tersebut.

Ayat “*Saya berkereta* ke pejabat (ayat 1) bermakna saya yang memandu kereta, bukan orang lain. Ayat “*Zakaria bermotosikal* ke pekan (ayat 2) pula

bermakna Zakaria, bukan orang lain, yang menunggang motosikal. Manakala ayat “*Setiap pagi dia berbasikal* selama 30 minit (ayat 3) bermaksud dia yang menunggang basikal. Kesemua pelaku dalam ketiga-tiga ayat itu melakukan perbuatan seperti maksud yang terkandung dalam kata nama kenderaan yang berawalan *ber-* itu. Demikianlah halnya dengan ayat 4 dan 5.

Inilah yang menyebabkan kita boleh mengatakan *berbasikal, berkereta, berkuda, bermotosikal, bersampan*, dan lain-lain sebagainya, kerana kita yang mengendalikan atau menunggang kenderaan tersebut itu. Sebaliknya, kita tidak menyebut *berkapal terbang, berteksi, berbeca, berbas*, dan lain-lain seumpamanya kerana kenderaan itu ada pengendalinya, dan kita hanya menjadi penumpang, yakni menaikinya sahaja; sebab itulah ayat-ayat 6 – 9 janggal benar bunyinya.

Jika kita sendiri mempunyai peluang memiliki dan memandu kapal terbang, atau memandu teksi untuk ke sesuatu tempat, baharulah, kiranya, kita dapat berkata “*Saya berkapal terbang* ke Kota Kinabalu”, atau “*Saya berteksi* ke selatan”.

Begitulah halnya bahawa kita *berbasikal*, atau *bermotosikal*, tetapi tidak *berbas* atau *berteksi*.

### JAWAPAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN 2008 SPM: BAHASA MALAYSIA

#### Sambungan dari halaman 11

#### Zon 3

##### Di Hadapan Pulau

- “Shelter” – Tuk Marzuki meninggal dunia kerana dibom Jepun
- Kawasan perkuburan – Afidah sering ke kubur arwah Tuk Marzuki untuk meluahkan perasaannya
- Kem tentera Inggeris dan Australia – Aziz mengajak Afidah mencari makanan

##### Putera Gunung Tahan

- Perkampungan orang Sakai – tempat tinggal orang Sakai di dalam hutan yang juga tempat tinggal perempuan tua Melayu yang sudah lama menetap di situ
- Puncak Gunung Tahan – istana Ratu-Bongsu terdapat di sini
- Gua batu – tempat Tuan Robert dan Tuan William berlindung daripada hujan lebat

#### Zon 4

##### Perlumbaan Kedua

- Paya – tempat Sang Kura-kura tinggal
- Lereng bukit – tempat Tuk Kura menghambankan dirinya semasa perlumbaan
- Kawasan tanah lapang – tempat Sang Arnab Putih bermain dengan gembira

##### Julia

- Hidayah Islamic College – Julia melanjutkan pelajaran dan mempelajari agama Islam
- Syarikat BPRO Holdings Sdn. Bhd. – syarikat peninggalan ayah Julia yang telah dimajukannya
- Kapal terbang – tempat Jun dan Julia bertemu buat pertama kali dalam penerbangan ke Australia

## 410 sertai peraduan esei YKP

PERADUAN Esei 2008 anjuran Yayasan Kepimpinan Perdana (YKP) yang menyediakan hadiah utama sebuah kereta Chevrolet Aveo telah menerima penyertaan lebih daripada 400 remaja.

Pelbagai idea bernas dilontarkan oleh para remaja berkenaan dalam esei mengenai masa depan Malaysia dan ciri-ciri kepimpinan muda.

Peraduan yang diperkenalkan sejak 2006/2007 itu merupakan yang kedua diadakan dan pada julung kali peraduan tersebut diperkenalkan, pemenang hadiah utama iaitu Mohd Haizal Zainuddin telah membawa pulang sebuah Proton Savvy.

Secara keseluruhannya, YKP telah menerima sebanyak 410 penyertaan dari 85 buah sekolah dan institusi pengajian tinggi (IPT) di seluruh negara.

Penyertaan bagi Kategori Menengah Atas adalah yang paling banyak diterima dalam peraduan tersebut dan keputusannya akan diumumkan pada bulan depan.

Melalui kategori tersebut para peserta memilih salah satu di antara topik-topik yang disediakan iaitu ‘Terangkan apa yang anda fahami tentang kepimpinan serta peranan yang dimainkan oleh pemimpin muda di dalam mencorakkan masa hadapan Malaysia’, ‘Apakah visi anda untuk Malaysia pada tahun 2057 ketika negara bakal menyambut kemerdekaannya yang ke seratus?’ dan ‘Huraikan hubung kait antara budaya, pendidikan dan kepimpinan, serta

faktor-faktor yang anda fikirkan penting di dalam mencorakkan generasi pe-lapis Malaysia’.

Antara syarat penyertaan ialah para pelajar bebas untuk menulis esei dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris dan penyertaan kali ini menyaksikan penggunaan kedua-dua bahasa.

Setiap esei yang ditulis mestilah dalam lingkungan 1,500 ke 2,000 patah perkataan.

Peraduan Esei ini merupakan sebahagian daripada program pendekatan awam YKP yang terbuka kepada pelajar-pelajar berumur dari 13 sehingga 21 tahun.

Pengarah Eksekutif YKP, Tan Sri Nik Mohamed Nik Yaacob berkata, pihaknya amat berpuas hati dengan jumlah penyertaan peraduan pada tahun ini yang amat menggalakkan.

“Topik-topiknya mencabar minda pelajar untuk berfikir dengan lebih mendalam mengenai masa depan negara dan kami berharap para pelajar telah mempelajari sesuatu yang baru mengenai negara kita dan menghargai peranan yang mereka memainkan untuk membentuk masa depan negara yang lebih cerah,” katanya.

Pihak Yayasan juga berterima kasih kepada para guru, pensyarah, ibu bapa serta para pelajar yang bertungkus-lumus untuk menyertai peraduan pada tahun ini.

Beliau menerangkan bahawa objek-

tif peraduan adalah untuk memupuk minat mengenai sejarah Malaysia dan mencungkil bakat menulis serta penyelidikan di kalangan pelajar.

Sementara itu para hakim yang akan Professor Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim dari Universiti Malaya (UM), Ketua Pengarang Berita Publishing Sdn Bhd, Datuk A Kadir Jasin dan bekas Pengarang Business Times, Hardev Kaur.

Esei-esei dinilai berdasarkan tiga kriteria iaitu kualiti penyelidikan, kualiti analisis dan gaya karangan.

Selain hadiah utama tersebut, peraduan itu turut menawarkan hadiah-hadiah seperti wang tunai, Macbook, iPod Nano, telefon bimbit, bawcer buku serta peluang kerja di syarikat-syarikat terpilih.

Sebuah kelengkapan komputer juga akan dihadiahkan kepada IPT bagi pemenang hadiah utama dan untuk kategori penyertaan terbanyak.

YKP yang ditubuhkan pada tahun 2003 sebagai organisasi bukan kerajaan, bertujuan mengumpul bahan-bahan mengenai sejarah kepimpinan Malaysia, menerangkan polisi, strategi serta sumbangan bekas Perdana Menteri Malaysia.

Pihak Yayasan memulihara, mendokumentasi dan menyebarkan bahan-bahan termasuk ucapan-ucapan, ke-ratan akhbar dan artikel majalah yang berkaitan dengan warisan intelektual negara.